



ACP Mohamad Farouk Eshak  
Ketua Polis Daerah Ampang Jaya.

## PADAH MEMBUAT LAPORAN PALSU

Mungkin kebanyakan dalam kalangan kita tertanya-tanya sama ada perihal membuat laporan polis palsu boleh dikategorikan sebagai kesalahan yang serius sehingga mengakibatkan pemenjaraan atau tidak. Di Malaysia, mereka yang didapati membuat laporan polis palsu akan dituduh di bawah Seksyen 182 Kanun Keseksan (KK).

Seksyen ini menjelaskan bahawa sesiapa yang memberikan apa-apa maklumat palsu sama ada secara verbal atau bertulis, yang diketahui atau dipercayai olehnya bahawa maklumat itu sebagai palsu, kepada mana-mana penjawat awam termasuk pegawai PDRM, dengan niat untuk menyebabkan penjawat awam tersebut mengganggu atau menyusahkan mana-mana orang, boleh dihukum penjara tidak melebihi enam bulan atau denda RM2000 atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Memang tidak dinafikan, hukuman yang ringan ini barangkali menggambarkan perbuatan membuat laporan palsu sebagai satu kesalahan

yang tidak serius. Namun begitu, pada hakikatnya, perbuatan ini dipandang serius oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana boleh memberikan mesej yang salah kepada umum, terutamanya kepada orang awam, PDRM dan institusi kehakiman.

### Takrifan Laporan Palsu

Salah laku (actus reus) di bawah Seksyen 182 KK bermaksud memberikan maklumat (sebagai contoh, membuat laporan polis palsu), manakala niat yang salah (mens rea) di bawah seksyen yang sama, iaitu membuat laporan dengan pengetahuan atau kepercayaan bahawa laporan tersebut adalah palsu, namun dengan harapan bahawa laporan tersebut akan diambil tindakan oleh PDRM sehingga menyebabkan "gangguan atau kecederaan" kepada orang yang disebutkan dalam laporan tersebut.

Dalam konteks ini, niat yang salah (mens rea) bermaksud;

- a) Sama ada pengetahuan sebenar ataupun kepercayaan pelaku bahawa maklumat yang disampaikan olehnya adalah palsu;
- b) Niat pelaku, iaitu laporan tersebut akan digunakan oleh PDRM sehingga memberi kesan yang tidak diingini kepada pihak lain.

Bagi menentukan sesuatu perbuatan sebagai salah laku, elemen actus reus dan mens rea harus wujud dalam perbuatan tersebut serta dibuktikan. Yang lebih penting, pembuktian tersebut hendaklah melampaui keraguan yang munasabah.

### Pemalsuan Laporan Polis di Malaysia dan Negara Lain

Pada 7 Disember tahun lalu, Encik Ahmad (Bukan nama sebenar), seorang peniaga berusia 50 tahun, telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya. Dalam laporan tersebut, beliau menyatakan beg silang miliknya diragut oleh dua orang lelaki India.

Namun begitu, hasil siasatan polis mendapati Encik Ahmad disyaki membuat laporan polis palsu. Lantaran itu, beliau ditahan dan pada 10 Disember 2021, beliau dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ampang Jaya dan dituduh di bawah Seksyen 182 KK. Encik Ahmad, yang tidak diwakili oleh peguam bela telah mengaku bersalah. Hatta, majistret menjatuhkan

hukuman denda RM400 dan penjara sebulan jika gagal membayar denda tersebut.

Menurut Profesor Datuk Dr. Salleh Buang, mantan peguam di Jabatan Peguam Negara, dalam artikelnya bertajuk *A False Police Report Perverts the Course of Justice* yang diterbitkan dalam akhbar *News Straits Times* pada 18 Ogos 2016, hukuman berat akan dikenakan kepada seseorang yang disabitkan kesalahan membuat laporan polis palsu di Selatan Australia.

Menurut Seksyen 62, *Summary Offences Act 1953* di Australia, jika individu tersebut didapati membuat laporan palsu dengan mengetahui bahawa laporan tersebut adalah palsu, dirinya barangkali akan disiasat oleh polis, maka individu tersebut adalah bersalah. Menurut seksyen tersebut, jika disabitkan kesalahan, seseorang itu boleh dijatuhkan hukuman denda maksimum RM10 ribu atau penjara tidak melebihi dua tahun.

Malahan, pihak mahkamah boleh mengarahkan tertuduh yang disabitkan kesalahan untuk membayar jumlah kos yang dibelanjakan oleh pihak polis untuk menjalankan siasatan terhadap laporan tersebut.

Menurut beliau lagi, di Pennsylvania, satu daripada sebuah bandar raya di Amerika Syarikat (AS), di bawah Seksyen 4906, Tajuk 18, Bab 49 dalam Kanun Keseksan Pennsylvania, perbuatan membuat laporan polis palsu dikategorikan sebagai kesalahan ringan dan boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 1 tahun.

Beliau turut memberi contoh di South Carolina, AS, di mana, menurut Kanun South Carolina 16-17-722:

- a) Adalah menyalahi undang-undang sekiranya seseorang didapati membuat laporan polis palsu dengan sengaja;
- b) Sekiranya seseorang didapati membuat laporan polis palsu yang melibatkan kesalahan feloni sepertimana diperuntukkan dalam subseksyen (A), boleh dijatuhkan hukuman penjara maksimum lima tahun ataupun denda tidak melebihi A.S.\$1000 atau kedua-duanya sekali;
- c) Sekiranya seseorang didapati membuat laporan polis palsu yang melibatkan kesalahan kecil sepertimana diperuntukkan dalam subseksyen (A), boleh dijatuhkan hukuman penjara maksimum 30 hari ataupun denda tidak melebihi A.S.\$500 ribu atau kedua-duanya sekali; dan

d) Selain hukuman dalam subseksyen B dan C, hakim juga boleh mengarahkan tertuduh untuk membayar kos siasatan yang dibelanjakan oleh agensi siasatan yang menyalah laporan palsu tersebut.

Pendek kata, pemberian hukuman bagi kes pemalsuan laporan polis di South Carolina dipastikan agar setimpal dengan keseriusan kesalahan yang dilaporkan oleh tertuduh ke atas orang lain, sama ada kesalahan tersebut di bawah kategori felony ataupun kesalahan kecil. Manakala di Singapura, salah laku pemalsuan laporan polis boleh dikenakan hukuman penjara maksimum satu tahun atau denda tidak melebihi SD\$5000, atau kedua-duanya sekali.

### Statistik Laporan Palsu

Menurut statistik Unit Rekod Jenayah (URJ) PDRM di Bukit Aman, jumlah keseluruhan laporan palsu bagi tahun 2019–2021 (Bagi tahun 2021, data sehingga bulan Ogos sahaja diambil kira) jumlah keseluruhan kes pemalsuan laporan berjumlah 2213. Jumlah laporan palsu melibatkan kehilangan MyKad bagi tahun yang sama ialah sebanyak 1264, yakni 57.12 peratus daripada jumlah laporan palsu yang diterima.

Pada tahun 2019, sebanyak 372 laporan palsu melibatkan kehilangan MyKad telah dibuat. Bagi tahun 2020, jumlah kes tersebut menurun kepada 368 kes, iaitu berkurangan sebanyak empat kes berbanding dengan tahun 2019. Namun begitu, pada tahun 2021, bermula Januari hingga Ogos, jumlah pemalsuan laporan melibatkan kad pengenalan melonjak kepada 524 kes, iaitu meningkat sebanyak 42.2 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya.

Sementara itu, Johor menyaksikan pemalsuan laporan polis melibatkan kehilangan MyKad yang paling tinggi bagi tempoh kajian yang sama, iaitu dengan 420 kes, diikuti oleh Selangor dengan jumlah laporan palsu sebanyak 321 kes. Manakala, negeri yang mencatatkan rekod pelaporan polis palsu yang paling rendah ialah Perlis, yakni tiga laporan sahaja.

URJ turut mendedahkan bahawa kebanyakan laporan palsu melibatkan kehilangan MyKad dibuat oleh mereka yang berumur 19 hingga 60 tahun. Dalam tempoh kajian, jumlah pemalsuan laporan melibatkan kehilangan MyKad yang dibuat oleh golongan ini ialah berjumlah 1160 laporan. Yang menariknya, kaum Adam

didapati lebih banyak membuat laporan polis palsu berbanding kaum hawa. Hal ini dikatakan demikian kerana, daripada 1160 laporan palsu, sebanyak 854 laporan daripada kaum lelaki, iaitu 73.7 peratus. Manakala, kaum wanita membuat 306 laporan ataupun 26.3 peratus daripada jumlah tersebut.

### Laporan Palsu Melibatkan Kehilangan MyKad

Hasil soal siasat yang dijalankan oleh PDRM terhadap kebanyakan pembuat laporan palsu melibatkan kehilangan MyKad mendapati bahawa laporan tersebut dibuat bagi mengelakkan denda yang dikenakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) apabila membuat permohonan penggantian kehilangan MyKad.

Hal ini dikatakan demikian kerana JPN telah menetapkan kadar bayaran denda yang akan dikenakan kepada warganegara Malaysia yang kehilangan MyKad atas kecuaiannya sendiri. Penalti bagi kehilangan MyKad atas kecuaiannya sendiri kali pertama ialah RM100, manakala kehilangan kali kedua RM300 dan bagi kehilangan kali ketiga dan seterusnya ialah RM1000.

Walau bagaimanapun, pengecualian kadar bayaran diberikan kepada orang kurang upaya (OKU), fakir miskin, warga emas berumur 60 tahun ke atas, mangsa bencana, kes jenayah seperti kecurian, samun dan ragut serta remaja warganegara Malaysia berusia bawah 18 tahun.

Antara laporan polis palsu yang sering dibuat oleh mereka yang kehilangan MyKad akibat kecuaiannya sendiri adalah dengan mendakwa menjadi mangsa dalam kejadian kes jenayah seperti diragut, disamun, dirompak dan kecurian.

### Amaran Kehilangan MyKad Akibat Kecuaian

Sesiapa yang kehilangan MyKad akibat kecuaiannya sendiri dinasihatkan agar jangan sesekali membuat laporan polis palsu semata-mata mahu mengelakkan daripada dikenakan denda oleh JPN apabila membuat permohonan penggantian MyKad.

Umum tidak boleh beranggapan bahawa PDRM tidak akan membuat siasatan lanjut ke atas laporan tersebut. PDRM memandang serius setiap laporan polis yang dibuat oleh orang awam, lebih-lebih lagi jika melibatkan kes jenayah yang boleh mengancam keselamatan dan nyawa seperti kejadian samun, ragut, kecurian dan rompak.

Setiap keterangan serta fakta yang dikemukakan oleh pengadu akan disiasat secara terperinci sehingga membolehkan pihak polis mengesan keraguan mahupun kecurigaan terhadap kes yang dilaporkan. Apatah lagi kalau kejadian itu hanya rekaan semata-mata, lagi mudah dikesan sebagai laporan palsu.

### Langkah Pengurangan Pemalsuan Laporan Polis

Peningkatan pemalsuan laporan dalam kalangan rakyat Malaysia menandakan semakin banyak yang memandang enteng akan peranan PDRM dalam memerangi jenayah tanpa mengira waktu dan hari. Oleh sebab itu, amaun denda serta undang-undang berkaitan kesalahan pemalsuan laporan polis harus dikaji semula dan jika perlu, dipinda mengikut kategori jenayah yang disebut dalam laporan tersebut, sama ada felony atau ringan.

Oleh itu, untuk mengurangkan pemalsuan laporan melibatkan kehilangan MyKad, khalayak dinasihatkan agar menjaga MyKad sebagai dokumen pengenalan diri yang penting dan sentiasa pastikan disimpan bersama, terutamanya apabila berada di luar rumah.

Turut diingatkan, kegagalan seseorang mengemukakan MyKad ketika diperiksa oleh pihak polis merupakan satu daripada kesalahan di bawah Peraturan 25(1)(n) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara (PPN) 1990 yang membolehkan pihak polis menangkap orang tersebut tanpa waran.

